

**TAZKIYAH AL-NAFS SEORANG PENGEMBARA AHLI AKADEMIK DALAM
TRAVELOG HAJI: MENGUBAH SEMPADAN IMAN KARYA MUHD KAMIL
IBRAHIM**

**[TAZKIYAH AL-NAFS AN ACADEMIC TRAVELER IN TRAVELOG HAJI:
MENGUBAH SEMPADAN IMAN BY MUHD KAMIL IBRAHIM]**

NURUL ZAFIRAH ZAKARIA^{1*}, FIRUZ-AKHTAR LUBIS¹

^{1*} Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: firuz@ukm.edu.my

Received: 10 February 2021

Accepted: 19 March 2021

Published: 31 March 2021

Abstrak: Kajian ini membincangkan konsep tazkiyah al-Nafs menerusi karya kembara Muhd Kamil Ibrahim berjudul Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman. Muhd Kamil Ibrahim merupakan seorang Profesor Perakaunan yang kini berkhidmat di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School. Beliau bukan sahaja hebat dalam bidang perakaunan, malah berkebolehan tinggi dalam bidang penulisan ilmiah mahupun umum. Salah satu daripada hasil penulisan umum beliau, sebuah travelog telah menjadi fenomena dan pernah menduduki carta jualan buku paling laris. Travelog ini berkisarkan penghijrahan beliau dari seorang yang jahil dalam ilmu agama berubah kepada seorang Muslim yang lebih baik. Ia juga memperlihatkan kesungguhan beliau menyempurnakan penghijrahannya dengan menunaikan ibadat haji. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis proses tazkiyah al-Nafs yang dihadapi oleh penulis travelog ini menurut persepektif al-Muhasibi yang memfokuskan kepada proses dalam langkah pencegahan (*al-Wiqayah*). Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual. Hasil dapatan kajian mendapati kerendahan ego dan ketinggian estim-diri diperlukan dalam menjayakan proses tazkiyah al-Nafs khususnya bagi golongan berstatus tinggi.

Kata kunci: travelog haji, kembara, tazkiyah al-Nafs, penyucian jiwa, Muhd Kamil Ibrahim.

Abstract: This study discusses the concept of tazkiyah al-Nafs through Muhd Kamil Ibrahim's travel narrative entitled Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman. Muhd Kamil Ibrahim is an accounting professor who currently works at Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School. He is not only great in the field of accounting, but also highly competent in the field of scholarly and general writing. One of his general writing, a travelogue has become a phenomenon and was listed in the best-selling book sales chart. This travelogue revolves around his migration from an ignorant person in religious knowledge to a better Muslim. It also shows his determination to complete his migration by performing the pilgrimage. This study aims to analyze the author's process of tazkiyah al-Nafs according to the perspective of Al-Muhasibi which focuses on the process in preventive measures (*al-Wiqayah*). This qualitative study applies the content analysis and interview methods. The study finds that low ego and high self-esteem are needed in the success of tazkiyah al-Nafs process, especially for those with high life status.

Keywords: hajj travelogue, travel, tazkiyah al-Nafs, self- purification, Muhd Kamil Ibrahim.

Cite This Article:

Nurul Zafirah Zakaria, Firuz Akhtar Lubis. 2021. Tazkiyah Al-Nafs Seorang Pengembara Ahli Akademik Dalam Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman Karya Muhd Kamil Ibrahim [Tazkiyah al-Nafs an Academic Traveler in Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman by Muhd Kamil Ibrahim]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 60-75.

PENGENALAN

Tazkiyah al-Nafs merupakan proses pendidikan jiwa seseorang yang berbentuk penyucian dalaman dan pembangunan luaran untuk menghalang seseorang itu dari kemahuan dan sifat yang buruk. Perkara ini membuktikan bahawa aspek keagamaan mempunyai peranan penting dalam pembentukan jiwa seseorang kerana ia dapat memperbaiki tingkah laku dan akhlak seseorang. Sudah semestinya tidak lengkap jiwa seseorang yang ingin berubah dan memperoleh akhlak yang sempurna tanpa tazkiyah al-Nafs kerana transformasi ini memerlukan kesungguhan dan kegigihan untuk memperbaiki dirinya. Hal ini juga berlaku kepada para pengembara kerana mereka juga berkemungkinan mengalami sendiri aspek tazkiyah al-Nafs dalam proses untuk menjadi seorang hamba dan Muslim yang berkualiti tatkala melihat akan kebesaran Allah SWT atau dugaan-dugaan yang terpaksa ditempuhi sepanjang pengembaraan. Perkara ini dapat ditemui dalam catatan kembara karya Muhd Kamil Ibrahim (2020) yang berjudul Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman.

Beberapa petikan dalam travelog tersebut menunjukkan kesungguhan penulis iaitu Muhd Kamil Ibrahim untuk berubah daripada seorang yang jahil mengenai ilmu agama kepada seorang Muslim sejati yang mampu mengamalkan ilmu agama dalam kehidupan. Petikan-petikan tersebut jelas memperlihatkan berlakunya proses tazkiyah al-Nafs terhadap diri penulis ini samada sebelum, semasa dan selepas pengembaraannya ke Mekah dan Madinah untuk menuaikan ibadah haji. Justeru, kajian ini mengfokuskan pada proses-proses tazkiyah al-Nafs bagi langkah pencegahan (*al-wiqayah*) seperti yang disarankan oleh al-Muhasibi. Kajian ini akan membincangkan beberapa aspek kajian iaitu metod kajian, latar belakang penulis, latar belakang karya, konsep tazkiyah al-Nafs menurut pandangan al-Muhasibi, analisis teks Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman dan hasil dapatan kajian.

METODE KAJIAN

Kajian kualitatif ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dan temubual. Kandungan teks dikaji berdasarkan konsep Tazkiyah al-Nafs menurut al-Muhasibi. Kaedah temu bual digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai latar belakang penulis berserta travelog hajinya. Pengkaji menemu bual penulis iaitu Muhd Kamil Ibrahim dan syarikat penerbitan iaitu PTS Publishing SDN. BHD menerusi kaedah penulisan emel sahaja.

LATAR BELAKANG PENULIS

Profesor Dr. Muhd Kamil Ibrahim merupakan seorang profesor dalam bidang perakaunan yang kini berkhidmat sebagai Profesor Perakaunan di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School. Beliau merupakan anak kelahiran Besut, Terengganu pada 19 Mei 1964. Beliau

berkelulusan PhD daripada Universiti Wales, Sarjana daripada Universiti Dundee, Sarjana Muda dan Diploma daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang perakaunan.

Berdasarkan temu bual bersama beliau menerusi kaedah penulisan e-mel, beliau merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang akademik terutama sekali dalam bidang perakaunan. Beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah Perakaunan di UiTM bermula tahun 1993 sehingga 1999. Pada tahun yang sama, beliau telah menjawat jawatan sebagai Profesor Madya Perakaunan di UiTM sehingga tahun 2003. Seterusnya, beliau menjadi Profesor Perakaunan di UiTM pada tahun 2003 sehingga 2011. Kepakaran beliau dalam bidang perakaunan tidak dapat disangkal lagi apabila beliau menjadi Profesor Perakaunan di Universiti Taibah, Madinah pada tahun 2011 sehingga Ogos tahun 2014. Kemudian, beliau kembali berkhidmat sebagai Profesor Perakaunan di universiti tempatan iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Kuala Lumpur bermula tahun 2014 sehingga kini. Beliau juga sering dijemput sebagai penceramah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan tidak ketinggalan juga di stesen televisyen.

Berdasarkan pengalaman beliau, kepakaran beliau dalam bidang perakaunan sememangnya tidak boleh disangkal lagi. Jawatan-jawatan yang diberikan membuktikan bahawa beliau seorang yang berkaliber dalam bidang akademik khususnya dalam bidang perakaunan. Kelebihan intelektual yang dianugerahkan oleh Allah SWT sama ada dalam bidang akademik ataupun bidang penulisan am membolehkan beliau untuk berkongsi ilmu yang diperolehi dan kepada masyarakat dengan menjadi penceramah jemputan. Sebagai seorang yang berpengaruh dalam bidang akademik, sudah tentu pelbagai anugerah dan pencapaian yang diterima sepanjang menempuh onak duri kerjayanya.

LATAR BELAKANG KARYA

Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman karya Muhd Kamil Ibrahim merupakan karya kembara pertama beliau terbitan PTS Publishing Sdn. Bhd. Buku ini mula diterbitkan pada tahun 2007. Menurut Editor Senior buku ini, Norashikin Wahid (2021) buku ini sudah diterbitkan dalam tiga versi iaitu versi asal pada tahun 2007, versi Edisi Jimat pada tahun 2008 dan versi Edisi Terkini pada tahun 2018.

Travelog ini mengisahkan penulis, seorang ahli akademik yang telah memperolehi gelaran profesor pada usia yang sangat muda. Penulis dengan penuh jujur dan rasa rendah diri menceritakan kekurangannya dalam pengetahuan agama. Sehingga suatu ketika, beliau ditimpa musibah dan beliau telah dinasihati oleh isterinya sendiri supaya mendekatkan diri kepada Allah SWT. Beliau mula insaf dan bertaubat atas kejahilan beliau sebelum ini yang lalai melaksanakan suruhan Yang Maha Esa. Kemudian, beliau bertekad untuk menunaikan ibadah haji dan hajatnya sangat dipermudahkan. Karya ini menceritakan pengalamannya di Mekah dan Madinah dan rintangan yang dihadapi. Penulis turut memberi tips dengan menggunakan logik akal beliau mengenai teori-teori ringkas sewaktu melaksanakan ibadah haji seperti laluan mudah untuk menuju ke Hajarul Aswad yang sememangnya boleh dijadikan panduan kepada para pembaca terutama sekali pada mereka yang bakal melaksanakan ibadah haji.

Travelog ini sememangnya telah mendapat tempat di hati pembaca-pembaca di Malaysia. Norashikin Wahid, senior editor buku ini sendiri menyatakan bahawa buku ini telah terjual lebih daripada 100 ribu naskhah di pasaran pada tahun 2018 di bawah penerbitan syarikat

PTS Sdn. Bhd. Buku ini juga telah menduduki tangga kelima daripada 10 terbaik Bestseller di bawah PTS Sdn. Bhd. Menerusi laman media sosial Facebook PTS, buku bagi versi Edisi Terkini merupakan terbitan semula bagi kali yang ketiga namun ia masih mendapat tempat di pasaran. Ini menunjukkan karya Muhd Kamil dikategorikan sebagai ‘evergreen’ kerana penceritaannya sesuai untuk semua peringkat umur dan emosi yang dipersembahkan dalam karya ini sememangnya sampai kepada hati setiap pembaca. Selain itu, Muhd Kamil bersama isterinya telah dijemput untuk memberi perkongsian mengenai karya kembaranya bersama penyampai radio terkenal iaitu Abby Fana di stesen radio Sinar FM pada tahun 2014. Di samping itu, buku ini juga telah dikategorikan dalam 10 terbaik bagi MPH Weekly Bestsellers pada tahun 2019. Melihat kepada maklum balas pembaca-pembaca pada ruangan komen di akaun Facebook milik Muhd Kamil sendiri, kebanyakannya memberi maklum balas yang positif terhadap karya kembara nukilan beliau.

PENGERTIAN TAZKIYAH AL-NAFS

Tazkiyah al-Nafs merupakan gabungan daripada dua perkataan Arab iaitu tazkiyah dan al-Nafs. Dari segi bahasa, Ibn Manzur (2012) dalam kitabnya berjudul Lisan Al-‘Arab menerangkan definisi tazkiyah sebagai pertumbuhan, penyucian dan baik pulih. Manakala al-Mu’az (1998) dalam kitabnya berjudul *al-Tazkiyah: Daruratuha, Wasa’iluhu, Mawani’uha* pula mendefinisikan tazkiyah sebagai disiplin, pembentukan, baik pulih, penyucian dan pembersihan.


Terdapat banyak pendapat mengenai definisi al-Nafs dari segi bahasa. Al-Ghazali (1998) dalam kitabnya berjudul *Ihya’ Ulum al-Din* menyatakan al-Nafs mempunyai perkaitan dengan hati (*al-Qalb*), akal (*al-‘Aql*) dan roh (*al-Ruh*). Namun, berbeza pula dengan pendapat al-Muhasibi (1990) dalam kitabnya iaitu *al-Ri’ayah li Huquq Allah* menjelaskan al-Nafs hanya berkait dengan hati (*al-Qalb*) dan akal (*al-‘Aql*) sahaja. Oleh itu, berdasarkan pendapat kedua-dua tokoh ini mengenai maksud al-Nafs dari segi bahasa, jelas terbukti bahawa al-Nafs sememangnya berkait rapat dengan hati dan akal manusia.

Seterusnya, menerusi gabungan kedua-dua perkataan tazkiyah al-Nafs, maka terdapat pelbagai pendapat mengenai tazkiyah al-Nafs. Menurut Sa’id Hawwa (1995) menjelaskan maksud tazkiyah al-Nafs sebagai satu tindakan menyucikan diri daripada segala kotoran seperti kehendak nafsu yang buruk, sifat kebinatangannya dan pergolakan dalamannya. Manakala Abu al-Hasan al-Hadawi (2000) mendefinisikan tazkiyah al-Nafs sebagai perbuatan pembersihan dan pembentukan jiwa dengan menghapuskannya daripada segala sifat mazmumah serta menghiasinya dengan sifat mahmudah. Gavin Picken (2011) dalam bukunya berjudul Spiritual Purification In Islam: The Life Works of Al-Muhasibi menyatakan tazkiyah al-Nafs tercapai menerusi perbuatan pembersihan jiwa dari kemosyikan, kekafiran dan segala perbuatan keji dan ianya boleh dicapai dengan mengamalkan segala kebaikan dan tumbuhnya ketaqwaan dalam jiwa.

KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS MENURUT AL-MUHASIBI

Menurut Abu Dardaa et.al (2017) dalam artikelnya bertajuk Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut al-Harith Asad al-Muhasibi, konsep tazkiyah al-Nafs yang terdapat dalam karya-karya al-

Muhasibi seperti *al-Ri'ayah li Huquq Allah*, *Risalah al-Mutarshidin*, *Adab al-Nufus* dan *al-Wasaya*. Imam al-Muhasibi telah membahagikan konsep ini kepada tiga kategori iaitu pencegahan (*al-Wiqayah*), pembangunan (*al-Tanmiyah*) dan rawatan (*'Ilaj*).



Rajah 1: *Pembahagian Konsep Tazkiyah al-Nafs menurut pandangan al-Muhasibi*

Dalam menganalisis konsep tazkiyah al-Nafs berdasarkan pandangan al-Muhasibi yang terdapat dalam Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman, pengkaji telah memilih untuk memfokuskan salah satu kategori daripada konsep tersebut iaitu kategori pencegahan (*al-wiqayah*). Menurut Abu Dardaa et al. (2017) lagi, pencegahan (*al-Wiqayah*) merupakan langkah pertama dalam konsep tazkiyah al-Nafs yang dikemukakan oleh Imam al-Muhasibi. Di bawah kategori ini terdapat lapan proses yang telah diperlihatkan dalam konsep tazkiyah al-Nafs seperti rajah di bawah.

Pencegahan (al-Wiqayah)	
Kesedaran dari kelalaian	<i>al-Tayaqquz min al-Ghaflah</i>
Taubat	<i>al-Tawbah</i>
Pengetahuan antara baik dan buruk	<i>Ma'rifat al-Khayr wa al-Shar</i>
Pemeliharaan Allah SWT	<i>al-Muraqabah</i>
Introkeksi diri	<i>al-Muhasabah</i>
Mengetahui strategi nafsu	<i>Ma'rifat khida' al-Nafs</i>
Kesungguhan melawan nafsu	<i>Mujahadat al-Nafs</i>
Kesabaran	<i>al-Sabr</i>

Rajah 2: *Proses-proses dalam kategori pencegahan (al-Wiqayah)*

Proses-proses tersebut adalah kesedaran dari kelalaian (*al-Tayaqquz min al-Ghaflah*), taubat (*al-Tawbah*), pengetahuan antara baik dan buruk (*Ma'rifat al-Khayr wa al-Shar*), pemeliharaan Allah SWT (*al-Muraqabah*), introkeksi diri (*al-Muhasabah*), mengetahui strategi nafsu (*Ma'rifat khida' al-Nafs*), kesungguhan melawan nafsu (*Mujahadat al-Nafs*) dan kesabaran (*al-sabr*). Namun, Gavin Picken (2011) hanya menyatakan tiga proses sahaja yang iaitu pengetahuan mendalam tentang jiwa (*ma'rifat al-Nafs*), pemeliharaan Tuhan (*al-Muraqaba*), memerangi jiwa (*al-Mujahadah*) dan introspektif diri (*al-Muhasabah*). Pengkaji mendapati proses-proses tersebut sama seperti mana yang dianjurkan oleh Imam Al-Muhasibi walaupun berbeza dari segi istilah dan bilangan proses. Oleh itu, proses-proses tersebut digabungkan memandangkan ia masih proses yang sama seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Muhasibi.

ANALISIS TEKS TRAVELOG HAJI: MENGUBAH SEMPADAN IMAN

Analisis konsep tazkiyah al-Nafs dalam Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman ini hanya tertumpu kepada proses-proses yang terdapat dalam langkah pencegahan (*al-Wiqayah*) seperti yang dinyatakan sebelum ini. Namun, hanya dua daripada lapan proses tersebut akan dibincangkan iaitu taubat (al-Tawbah) dan mengetahui strategi nafsu (Ma'rifat khida' al-Nafs).

Taubat (al-Tawbah)

Menurut Abu Dardaa et al. (2017), taubat merupakan hasil daripada kesedaran yang membawa manusia ke pangkal jalan. Manakala H. Y. Ahmad Mujahideen dan A. G. Hamidi (2020) mendefinisikan taubat sebagai pengetahuan seorang hamba terhadap keburukan serta bahaya dosa lalu meninggalkan perbuatan dosa itu ikhlas kerana Allah SWT, menyesal akan dosa terdahulu yang dilakukan secara sengaja mahupun secara kejahilan, bertekad dan berazam untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut kelak, melakukan segala perbuatan yang baik, meminta halal terhadap hak-hak manusia dengan memulangkan semula barang tersebut kepada pemiliknya dan memohon maaf akan kesalahan yang pernah dilakukan. Terdapat beberapa ayat Al-Quran yang menjadi dalil mengenai pensyariatan taubat, antaranya seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 31:

وَثُبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ فَلْحُونَ

Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman
supaya kamu beruntung.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat beberapa petikan daripada Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman ini yang bertepatan dengan proses taubat yang berada di bawah kategori pencegahan (*al-Wiqayah*). Petikan tersebut adalah seperti berikut:

Saya menjadikan diri sendiri sebagai contoh. Misalnya, umur sudah melebihi 42 tahun. Seorang yang jahil. Ilmu agama ternyata sedikit. Tentu sekali banyak dosa yang dilakukan. Dosa besar, dosa kecil, dosa yang dibuat secara terang-terangan, dan dosa yang dibuat secara sembunyi-sembunyi. Kesemuanya ada. Banyak buku ibadat haji yang sudah dibaca menyarankan supaya setiap bakal haji membersihkan diri sebelum menjadi tetamu-Nya. Maksudnya, kita hendaklah bertaubat dengan sungguh-sungguh. (Muhsin Ibrahim, 2020) (hlm. 44)

Petikan ini bertepatan dengan proses taubat kerana sebelum beliau menerima jemputan dari Allah SWT untuk menunaikan haji, beliau menyedari bahawa dirinya terlalu jahil mengenai ilmu agama walaupun umurnya sudah menjangkaui lebih 42 tahun. Beliau menginsafi akan dosa-dosa yang telah dilakukan secara jelas mahupun tersembunyi. Penulis ini mengambil inisiatif untuk bertaubat bersungguh-sungguh dengan memperbanyak bacaan mengenai ibadat haji supaya dapat membersihkan serta menyucikan dirinya sebelum menerima undangan dari Allah SWT ke Tanah Suci Mekah. Jika dapat diperhatikan, proses taubat yang

telah dialami oleh penulis travelog ini sangat berkait rapat dengan proses kesedaran dari kelalaian (al-Tayaqquz min al-Ghaflah). Sebagai seorang manusia, sememangnya tidak akan dapat lari dari kelalaian.

Menurut Abu Dardaa (2018), kelalaian di dunia memberi impak yang sangat buruk di akhirat kerana ia secara tidak langsung menyebabkan manusia alpa akan akhirat. Hal ini kerana apabila seseorang itu lalai, dia tidak akan mempedulikan suruhan Allah SWT dan melanggar perintah-Nya. Menurut al-Muhasibi (1999) dalam kitabnya berjudul *Risalat al-Mustarshidin*, terdapat beberapa kaedah untuk mengatasi masalah kelalaian ini dan kaedah paling utama adalah dengan mencari ilmu pengetahuan. Kaedah yang dianjurkan oleh al-Muhasibi ini selari dengan tindakan penulis berdasarkan petikan tersebut. Apabila beliau ingin bertaubat, beliau mengukuhkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan dapat menjentik hati beliau untuk sentiasa bertaubat dan menginsafi akan kejihilannya yang lalu.

Selain itu, ada petikan yang memperlihatkan kesungguhan penulis bertaubat demi memohon keampunan dari Allah SWT. Beliau menceritakan kejadian ini berlaku pada malam terakhir beliau dan isterinya, Roza berada di Itali. Beliau bangun perlahan-lahan kerana tidak mahu menganggu isterinya yang tidur keletihan, lalu beliau mengambil wuduk dan bersembahyang sunat hanya berbekalkan lampu tandas tetapi ditutup pintu tandas tersebut. Seusai solat sunat, beliau membaca buku doa sambil air mata bercucuran tanpa dipaksa. Petikan tersebut adalah seperti berikut:

Itulah perasaan yang menusuk kalbu. Entah. Benar ataupun tidak seluruh tubuh
merasai kenikmatan bertaubat terutamanya ketika air mata membasahi pipi.

Seolah-olah wujud satu vakum antara hari dengan persekitaran. Ia satu
perasaan yang luar biasa. Jika benar taubat itu diterima maka bukankah ada
logiknya yang saya ibarat bayi yang suci? (Muhd Kamil Ibrahim, 2020) (hlm.

47)

Petikan tersebut memperlihatkan penulis ini seolah-olah tidak menyangka beliau dapat merasai kenikmatan bertaubat yang sebegini indah sepanjang 42 tahun beliau menjalani kehidupan di muka bumi ini. Beliau dapat merasai kenikmatan bertaubat tatkala air matanya turun membasahi pipi kerana berkemungkinan beliau sangat menyesali akan perbuatan dosa yang pernah beliau lakukan sebelum ini. Perasaan takut kepada Allah SWT dan balasan-Nya menyebabkan berlakunya tangisan sebagai simbolik kepada memohon keampunan daripada Allah SWT. Menurut Nadzifatuz Zulfa (2018), tangisan ini dikategorikan sebagai tangisan khauf iaitu ketakutan. Tangisan ini merupakan tangisan paling mulia dan utama kerana ianya berlaku disebabkan wujud perasaan takut terhadap Allah SWT. Allah SWT memuji hamba-hambaNya yang takut kepadaNya serta khusyuk dalam menunaikan solat. Perasaan takut kepada Allah SWT sehingga mampu mengalirkan air mata ini tidak akan dapat dirasai oleh semua manusia melainkan mereka bertaubat dengan bersungguh-sungguh.

Pada malam tersebut juga, beliau dapat merasakan satu perasaan luar biasa yang tidak pernah dialami sepanjang 42 tahun kehidupan beliau. Ketika beliau khusyuk bertaubat memohon keampunan dari Sang Pencipta, beliau merasakan seolah-olah wujud satu vakum antara hari dengan persekitaran di sekelilingnya. Apabila menyebut mengenai vakum, sememangnya ia sangat berkait rapat dengan tekanan atmosfera. Menurut Suproto dan Susilo

Widodo (2017) dalam buku berjudul Pengenalan Teknologi Vakum, perkataan vakum berasal daripada bahasa Latin iaitu vacuo yang bermaksud kosong. Namun secara praktikalnya, tidak ada ruang yang kosong sepenuhnya di dalam konsep vakum ini. Vakum merupakan keadaan sesuatu ruangan yang sebahagiannya terdiri dari pada gas dan gas yang selebihnya akan dikeluarkan sehingga menyebabkan tekanan di dalam ruangan vakum tersebut berada di bawah tekanan atmosfera. Dalam erti kata lain, vakum merupakan ruangan yang mengandungi gas seperti partikel, atom dan molekul atau ia juga membawa maksud tekanan gas yang ada pada vakum lebih rendah berbanding tekanan gas di atmosfera. Oleh itu, keadaan vakum merupakan keadaan di mana tekanan gas di dalam ruangan vakum berada di bawah tekanan atmosfera. Penulis bermungkinan menggunakan perumpamaan vakum simbolik kepada hatinya yang kosong tetapi di saat beliau bertaubat, tekanan atmosfera yang disimbolikkan kepada aura persekitaran di sekelilingnya memaksa rasa keinsafan, perasaan takut dan cinta kepada Allah SWT yang diumpamakan sebagai gas memenuhi ruang vakum iaitu hatinya. Maka, wujudlah ketenangan dan kelapangan jiwa yang bebas dari segala perbuatan dosa yang menghantui dirinya dan telah menjadikan hari tersebut sebagai hari yang paling indah buat dirinya.

Di samping itu, petikan di atas juga memperlihatkan penulis mengibaratkan dirinya sebagai bayi yang suci sekiranya taubat yang dilakukan itu diterima. Semua manusia di dunia ini dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci dan bersih dari segala dosa dan maksiat. Jika seseorang itu pernah melakukan perbuatan dosa kemudian menginsafi akan perbuatannya dengan taubat nasuha, maka terhapuslah segala dosanya yang lalu dan hatinya suci dari segala kekotoran maksiat seperti bayi yang baru dilahirkan dalam keadaan suci dari segala maksiat. Perkara ini disokong oleh Septiawadi (2013) dalam artikelnya bertajuk Tafsir Sufistik Tentang Taubat Dalam Al-Quran yang menyatakan bahawa taubat nasuha merupakan taubat yang bersih dari hati seseorang yang pernah melakukan dosa sehingga taubat tersebut mampu menghapuskan dosa-dosa yang pernah dilakukannya. Sebagai indikator dari taubat nasuha, pendosa yang bertaubat ini akan memperoleh petunjuk dari Allah SWT yang mendorongnya untuk membuat kebaikan sebagai penghapus dosanya yang dulu. Pada pandangan ahli sufi, taufik iaitu petunjuk yang dikurniakan oleh Allah SWT merupakan anugerah kepada seseorang yang berhati suci sehingga setiap perkara yang dilakukannya sentiasa mendapat bimbingan daripada Allah SWT. Justeru, seseorang yang melakukan taubat nasuha dan bersungguh-sungguh memohon keampunan daripada Allah SWT diumpamakan sebagai bayi yang dilahirkan kerana penyucian hatinya dari segala dosa dan perkara-perkara maksiat.

Seterusnya, menurut Samad (2017) dalam kajiannya Konseling Sufistik: Tasawuf Wawasan dan Pendekatan Konseling Islam, tangisan kaunseling sufistik yang dilakukan seharusnya disertakan dengan tiga perkara iaitu *tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa), *riyadah al-Nafs* (latihan jiwa untuk mendekatkan kepada Tuhan) dan seterusnya *taqarrub ‘ila Allah* (mendekatkan diri kepada Allah). Perkara ini disokong oleh Nadzifatuz Zulfa (2018) yang menyatakan bahawa mencari Tuhan didefinisikan sebagai mendekatkan diri kepada Tuhan sebagai bentuk kelemahan dan ketidakupayaan manusia. Tangisan yang berlaku dapat merehatkan jiwa dan menyucikan minda (*tazkiyah al-Nafs*).

Jika dilihat dari sudut psikologi dan kesihatan, Nadzifatuz Zulfa (2018) juga ada menjelaskan mengenai kebaikan tangisan di mana air mata yang dikeluarkan dapat membersihkan mata yang tidak dilalui oleh peredaran darah supaya darah tersebut dapat mengalir dengan ke kawasan kornea mata dengan lancar. Tambahan pula, dari sudut

psikologinya, menangis merupakan kaedah pengampunan dan melalui menangis manusia menunjukkan sisi kelemahan mereka, memerlukan perlindungan, keselesaan , kesenangan dan pergantungan pada Yang Maha Kuasa. Maka dengan itu, adalah digalakkan untuk menangis ketika berdoa. Berbalik kepada petikan tersebut, penulis ini berkemungkinan telah memenuhi antara syarat penerimaan taubat seperti yang dinyatakan oleh H. Y. Ahmad Mujahideen dan A. G. Hamidi (2020) iaitu menyesal terhadap perbuatan maksiat dan dosa yang lalu. Hal ini kerana melihat kepada kesungguhan beliau memohon keampunan daripada Allah SWT sehingga menitiskan air mata dan perkara ini jarang sekali berlaku kepada mereka yang ingin bertaubat. Hanya mereka yang bersungguh-sungguh bertaubat sahaja dapat merasai nikmat taubat. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua petikan tersebut sangat bertepatan dengan proses taubat dibawah kategori pencegahan (*al-wiqayah*) seperti yang dikemukakan oleh Imam Al-Muhasibi. Setelah bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT, sudah tentu diri seseorang itu akan terdidik untuk membezakan antara perkara yang baik dan perkara yang buruk dengan lebih terperinci. Persoalannya bagaimanakah penulis karya ini iaitu Muhd Kamil Ibrahim menghadapi proses yang seterusnya?

Mengetahui strategi nafsu (Ma^rifah khida' al-Nafs)

Menurut al-Muhasibi (1984) dalam kitabnya yang berjudul *Adab al-Nufus*, proses *ma^rifah khida' al-Nafs* iaitu mengetahui strategi nafsu ialah apabila seseorang itu tidak mengenal dirinya sehingga dia menguji dirinya sendiri. al-Muhasibi mengemukakan pandangan supaya manusia menguji dirinya untuk mengetahui keadaan nafsunya. al-Muhasibi juga turut menyatakan nafsu sendiri merupakan musuh utama yang cuba ingin menipu daya seseorang manusia. Seseorang manusia itu akan berasa senang hati dan tenang setelah mendapati tiada perkara yang boleh merosakkan dalam dirinya. Tambahan lagi, Gavin Picken (2011) menjelaskan nafsu merupakan musuh yang amat unik. Hal ini kerana nafsu tersembunyi jauh dalam sifat manusia. Justeru, kesukaran untuk mengenal pasti keadaan nafsu dalam diri seseorang menjadi punca utama kepada terdorongnya akhlak dan peribadi yang buruk.

Petikan ini menunjukkan proses *ma^rifah khida' al-Nafs* (mengetahui strategi nafsu) berlaku semasa hari terakhir beliau bersama beberapa ahli keluarganya yang turut serta dalam pengembalaan di Madinah. Setelah membeli-belah untuk dihadiahkan kepada ahli keluarga yang lain di Malaysia, penulis menyedari bahawa pakaianya tidak mencukupi untuk dipakai sewaktu pulang ke tanah air. Terlintas dihatinya alangkah eloknya jika mempunyai sepasang jubah untuk dipakai ketika pulang pada keesokan harinya. Beliau berfikir jika mengenakan jubah ketika pulang, barangkali aura 'kewarakan' lebih terserlah dan akan memberi suatu tanggapan kepada orang di sekelilingnya bahawa beliau berjaya memperoleh haji mabrur. Petikan tersebut adalah seperti berikut:

Saya sebenarnya sudah tidak mempunyai pakaian, kecuali sehelai baju kemeja berlengan pendek dan dua helai seluar jubah. Terlintas di hati, alangkah baiknya kalau saya mempunyai sepasang jubah yang elok untuk dipakai ketika pulang. Barangkali nampaklah 'kewarakan' seorang haji baru. Barangkali ia akan memberi gambaran yang Prof. Dr. Haji Muhd Kamil Ibrahim berjaya mendapat haji mabrur. Mengapa tidak. Dia sanggup berserban, memakai

kopiah, memakai jubah, berjanggut, dan kelihatan berseri-seri wajahnya. Sesuatu yang pastinya agak janggal sebelumnya. (Muhd Kamil Ibrahim, 2020) (hlm. 206)

Berdasarkan petikan di atas, penulis bersama isterinya terus menuju ke kompleks membeli-belah yang terletak berhampiran dengan hotel mereka untuk membeli sehelai jubah yang agak mahal harganya iaitu berharga 60 riyal. Beliau terfikir jubah yang dibelinya ini pasti lebih mahal harganya jika dibandingkan dengan jubah rakan-rakan sebiliknya dan beliau merasakan sudah tentu beliau tampak segak tatkala memakainya. Pengkaji mendapati bahawa ketika ini wujudnya rasa bangga dan ingin bermegah akibat daripada godaan hawa nafsu. Beliau mula mahu bermegah-megah dengan ‘kewarakar’ yang beliau miliki tambahan pula apabila mengenakan jubah yang telah dibelinya yang kononnya semakin memperlihatkan ‘kewarakar’ beliau sebagai seorang haji baru.

Namun, pada waktu subuh hari terakhir mereka di Madinah, penulis ini berasa tersentuh dan sebak tatkala menyaksikan beberapa jemaah haji yang uzur kelihatan ceria dan bertenaga. Malah, mereka kelihatan segak dan berseri-seri berjubah dan berserban. Beliau merasakan bahawa Allah SWT sedang mengajarnya sesuatu perkara apabila melihat kepada keceriaan yang jelas terpancar pada wajah jemaah-jemaah haji tersebut yang sedang bersiap sedia untuk pulang ke tanah air. Beliau berfikir bahawa beliau ingin sekali berjubah dan berserban ketika pulang ke tanah air kerana ingin memberi gambaran positif kepada mereka yang akan menyambutnya di KLIA. Kemungkinan inilah perasaan yang lahir pada setiap jemaah haji apabila ingin berangkat pulang ke Malaysia. Petikan berikutnya memperlihatkan beliau menyedari bahawa ibadat haji bukanlah tertumpu kepada pakaian atau perspektif luaran orang lain terhadap diri sendiri mala ia lebih memfokuskan kepada penyucian hati seseorang. Petikan tersebut adalah seperti berikut:

Astaghfirullah, subhanallah, saya memohon keampunan Allah. Saya ambil jubah baru, lipat, dan masukkan ke dalam beg. Saya insaf yang fardu haji bukanlah semata-mata soal pakaian atau pandangan luaran orang pada kita.

Maka kopiah, baju kemeja berlengan pendek, seluar jubah, dan selipar sembahyanglah yang menjadi pakaian pulang. Saya tahu saya kelihatan rugged, tidak mengikut kebiasaan dan nampak janggal. Saya tidak kisah. Lebih penting, saya dapat menyucikan hati sendiri. barulah saya terasa aman, tenang dan girang. (Muhd Kamil Ibrahim, 2020) (hlm. 207)

Petikan pertama menunjukkan niat asal penulis ini ingin membeli jubah adalah disebabkan pakaianya tidak mencukupi untuk pulang ke Malaysia pada keesokan harinya. Namun, niat beliau mulai berubah. Beliau beranggapan jika mengenakan sepasang jubah ketika pulang, kemungkinan jelas terpancar ‘kewarakar’ beliau sebagai seorang haji baru dan ia memberi gambaran positif kepada mereka yang akan menyambutnya di lapangan terbang KLIA bahawa beliau memperoleh haji mabruk. Kemungkinan penulis ketika itu sedang diuji atau digoda oleh kehendak nafsu yang mewujudkan rasa ingin bermegah dan menunjuk-nunjuk. Walau bagaimanapun, godaan nafsu tersebut berjaya ditangkas tatkala penulis karya catatan kembara ini melihat keceriaan dan kegembiraan jemaah-jemaah haji yang uzur jelas terpancar

di wajah mereka. Walaupun mereka kelihatan uzur, mereka sentiasa kelihatan gembira dan bertenaga dalam melaksanakan tuntutan rukun Islam yang kelima ini.

Setelah melihat kepada situasi tersebut, terdetik di fikiran penulis ini bahawa Allah SWT sedang mengajarnya sesuatu perkara. Barangkali Allah SWT ingin memperlihatkan bahawa sentiasa bersyukur dengan segala yang diberikan dan mengamalkan wasatiyyah dalam kehidupan. Kemudian, beliau segera beristighfar dan menyedari bahawa ibadah haji bukanlah mengenai pakaian semata-mata atau pandangan orang lain terhadap diri sendiri, namun ia lebih menumpukan kepada penyucian diri seseorang. Maka, beliau terus menyimpan sepasang jubah tersebut kerana berkemungkinan beliau merasakan memakai jubah ketika pulang bukanlah satu keperluan yang penting tetapi perkara yang lebih penting ialah beliau berjaya mencapai sasaran untuk menyucikan jiwanya. Kemudian, barulah beliau berasa tenang dan aman setelah yakin bahawa keputusan yang dilakukan adalah yang terbaik buat dirinya. Tindakan beliau yang segera melawan godaan nafsu dengan beristighfar dan memohon keampunan dari Allah SWT serta segera menyimpan hasratnya untuk mengenakan sepasang jubah ketika pulang semata-mata ingin meraih pujian orang lain menunjukkan beliau mampu mengenal pasti keadaan nafsu yang akan mengawal dirinya untuk melakukan perkara-perkara mazmumah. Setelah beliau melawan godaan nafsu tersebut, barulah beliau berasa tenang dan gembira kerana berkemungkinan beliau mendapati tiada sebarang gangguan dan kerosakan yang akan menghalangnya dalam proses menyucikan jiwa seperti yang diperihalkan oleh Imam al-Muhasibi.

Situasi dalam petikan tersebut juga boleh dikaitkan dengan Teori Maslow yang sememangnya sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia dan ia selalu digunakan dalam bidang psikologi untuk mengenalpasti tahap keperluan manusia. Menurut Jaffary Awang et al. (2017) dalam artikel berjudul Teori Maslow Dan Kaitannya Dengan Kehidupan Muslim, Teori Maslow mempunyai pengaruh yang besar dalam berbagai-bagai aspek kehidupan manusia seperti aspek falsafah, psikologi, agama dan pendidikan. Teori ini menjelaskan terdapat lima tahap berdasarkan teori keperluan manusia yang perlu dipenuhi oleh seseorang untuk memperoleh kesempurnaan hidup.



Rajah 3: Teori Maslow (teori piramid keperluan manusia)

Tahap pertama ialah tahap fisiologi seperti keperluan makanan, udara, air dan sebagainya. Tahap kedua ialah keperluan kepada perlindungan dan keselamatan manakala tahap ketiga merupakan keperluan sosial iaitu keperluan memberi dan menerima kasih sayang. Seterusnya, tahap keempat pula ialah keperluan kepada penghargaan diri sendiri serta menerima penghargaan daripada orang lain. Tahap yang terakhir ialah keperluan kepada hasrat diri iaitu kesempurnaan diri. Setelah diperhatikan dengan terperinci, penulis sudah melalui tahap pertama dan kedua disebabkan berkemungkinan kehidupan beliau yang mampu dari segi kewangan. Beliau juga telah melepassi tahap yang ketiga kerana pengkaji beranggapan kasih sayang yang beliau peroleh adalah disebabkan oleh beliau sendiri mempunyai keluarga yang bahagia dan saling menyokong antara satu sama lain seperti isterinya yang sentiasa berada disisinya terutama sekali apabila beliau bertekad untuk berubah ke arah kebaikan. Di samping itu juga, beliau telah melalui tahap keempat dalam teori piramid keperluan manusia apabila beliau berjaya menjawat jawatan profesor. Ini menunjukkan penghargaan terhadap diri beliau yang telah menyumbang bakti dalam bidang akademik pada usia yang muda. Namun, beliau masih belum mencapai tahap yang terakhir kerana beliau masih mencari kesempurnaan dirinya.

Berdasarkan Teori Maslow, manusia perlu mengharungi beberapa tahap untuk mencapai kesedaran diri dan tahap-tahap tersebut adalah lima tahap keperluan manusia seperti yang disarankan dalam teori piramid keperluan manusia (Jaffary Awang, 2017). Seseorang manusia dianggap sempurna apabila dirinya telah mencapai tahap kelima yang merupakan tahap terakhir dalam teori keperluan manusia iaitu kesedaran diri. Proses kesedaran diri dan penyucian jiwa yang dialami oleh penulis berkait rapat dengan Teori Maslow iaitu teori keperluan manusia. Buktinya, beliau lebih rela pulang ke Malaysia dengan hanya berkemeja, berseluas jubah dan berselipar berbanding jemaah-jemaah lain yang berjubah dan berserban. Kemungkinan beliau menganggap bahawa pakaian tidak melambangkan ibadah yang dilakukan dan ia bukanlah satu keperluan. tetapi ia lebih mementingkan kepada penyucian hati. Hal ini kerana beliau sudah mempunyai segala keperluan asas yang perlu dipenuhi oleh seseorang manusia namun beliau masih belum mencapai tahap untuk menjadi seorang manusia dan Muslim yang sempurna kerana kesedaran diri dan jiwa merupakan tahap tertinggi kesempurnaan seseorang manusia yang sudah mempunyai segala-galanya.

Walau bagaimanapun, kesedaran diri seseorang manusia perlulah berlandaskan kepada syariat Islam iaitu kembali kepada Sang Pencipta seperti yang telah dilakukan oleh penulis ini yang segera bertaubat apabila menyedari akan kesalahannya tatkala beliau mungkin merasakan mula terbitnya perasaan ingin bermegah-megah dengan jubah yang dibelinya simbolik kepada kewarakan dan keimanannya .Maka, beliau segera sedar dan bertaubat kepada Allah SWT akan kekhilafannya akibat hampir terjerumus dalam godaan nafsu. Perkara ini disokong oleh Musliha Salma Mohd Radzi et al. (2010) dalam artikel berjudul Menyelesaikan Masalah Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan yang menjelaskan bahawa dalam perspektif Islam, kesedaran diri bermaksud kesedaran diri seseorang manusia mengenai hakikat dirinya dan jelas terhadap matlamat hidupnya, iaitu kembali kepada fitrah dirinya di mana dia mengakui akan keesaan dan kebesaran Allah SWT sebagai pencipta sekalian alam. Seseorang manusia berupaya memperkembangkan potensi dirinya jika mempunyai kesedaran diri terutama sekali dalam pembentukan spiritual. Pengkaji berpendapat kesedaran diri yang wujud dalam diri penulis karya ini memperlihatkan potensi

dan kemampuannya untuk mengawal diri sendiri dari terjerumus dalam godaan nafsu yang akan merosakkan dirinya dengan berpaksikan kepada syariat Islam.


Situasi tatkala penulis beristighfar dan bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT menunjukkan beliau berjaya mengenalpasti keadaan nafsunya dan beliau berjaya mengawal kehendak nafsu tersebut daripada mendominasi dirinya. Beliau mulai sedar bahawa ibadah haji bukanlah terletak kepada pakaian dan penampilan semata-mata mala ia lebih tertumpu kepada pembentukan spiritual. Perkara ini dapat dilihat melalui tindakan beliau apabila menyimpan semula jubah yang ingin dipakai tersebut. Barangkali beliau beranggapan sepasang jubah bukanlah keperluan buat dirinya tetapi penyucian jiwa sepanjang melaksanakan ibadah haji merupakan sasaran utama bagi dirinya. Perasaan tenang dan gembira lahir setelah beliau berjaya melawan kehendak nafsunya kerana barangkali beliau yakin bahawa nafsu tersebut tidak akan merosakkan dirinya seperti mana proses *ma'rifah khida' al-Nafs* (mengetahui strategi nafsu). Oleh itu, petikan-petikan tersebut sangat bertepatan dengan konsep tazkiyah al-Nafs seperti yang telah disarankan oleh Imam al-Muhasibi. Setelah mengenalpasti keadaan nafsu dalam diri, maka seseorang itu perlu bermujahadah untuk melawan kehendak nafsu tersebut tetapi bagaimanakah mujahadah pada perspektif Imam al-Muhasibi dalam melawan tuntutan nafsu?

DAPATAN KAJIAN

Tazkiyah al-Nafs atau penyucian jiwa sememangnya perkara yang sinonim dalam kalangan manusia. Namun, untuk golongan yang berstatus tinggi, kebiasaannya tazkiyah al-Nafs ini jarang sekali berlaku dengan jayanya. Golongan seperti ini memerlukan usaha yang lebih berbanding daripada mereka yang berstatus bawahan dalam menjayakan tazkiyah al-Nafs dalam diri mereka. Hal ini kerana mereka yang tergolong dalam kategori berstatus tinggi sudah mempunyai segala keperluan dan keinginan dalam kehidupan mereka seperti tempat perlindungan yang selesa, keperluan makanan yang mencukupi, keperluan kasih sayang dari orang sekeliling dan semestinya keperluan untuk dihargai melalui kejayaan, kekayaan, kebijaksanaan dan kelebihan yang ada pada diri mereka. Walaupun keperluan kehidupan golongan ini sudah dianggap sempurna jika dibandingkan dengan keperluan kehidupan daripada mereka yang bergolongan bawahan, namun masih terdapat satu keperluan yang masih belum mereka mampu kecapi iaitu kesedaran dan kesempurnaan diri. Kenyataan ini disokong oleh Jaffary Awang et al. (2017) yang menjelaskan bahawa keperluan hidup seseorang manusia akan menjadi sempurna jika dia berjaya mencapai tahap kelima dalam teori piramid keperluan manusia yang telah diperjelaskan dalam Teori Maslow. Tahap tersebut ialah kesedaran dan kesempurnaan diri.

Proses tazkiyah al-Nafs juga berlaku kepada penulis. Beliau dikategorikan sebagai seorang yang berstatus tinggi kerana beliau seorang yang berintelektual dan disanjung kerana sudah mendapat pengiktirafan sebagai seorang Profesor pada usia yang muda. Malangnya, beliau masih hidup dalam kegelapan kejahilan walaupun sudah mengecapi pelbagai kejayaan dalam kehidupannya. Barangkali beliau terlalu mengejarkan kejayaan dunia sehingga mengabaikan kehidupan yang berpaksikan syariat Islam dan juga memperoleh kejayaan di akhirat. Berdasarkan penelitian pengkaji, mereka dari golongan berstatus tinggi hanya perlu melakukan satu perkara yang penting dalam menjayakan proses penyucian jiwa iaitu

menurunkan ego dan kesombongan dalam diri. Hal ini kerana golongan ini kebiasaannya sentiasa merasakan bahawa apa yang mereka lakukan adalah betul dan sukar untuk menerima pandangan dan teguran orang lain. Lantaran itu, mereka seharusnya menurunkan ego dalam diri kerana proses perubahan diri tidak akan berhasil jika masih dikawal oleh ego sendiri. Perkara ini disokong oleh Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (1997) yang menyatakan bahawa jenis-jenis sikap yang mampu berubah dengan mudah adalah sikap-sikap yang sudah tidak melibatkan ego dalam diri serta sikap-sikap yang tidak sesuai untuk dijadikan sebagai asas pegangan hidup.



Rajah 4: Formula Keberhasilan Proses Tazkiyah al-Nafs khusus bagi golongan berstatus tinggi

Berdasarkan rajah 4, keberhasilan proses tazkiyah al-Nafs bagi golongan berstatus tinggi khususnya sangat berkait rapat dengan ego dan estim-diri yang berada dalam diri mereka. Seseorang yang berjaya menurunkan atau merendahkan egonya bererti dia berjaya membuang segala sifat sompong, takbur dan bangga diri dalam dirinya. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan peningkatan estim-diri dalam dirinya. Jika setelah seseorang berjaya menurunkan egonya untuk menjalani proses tazkiyah al-Nafs, dia juga perlu mempunyai estim-diri yang tinggi. Jika seseorang mempunyai estim-diri yang tinggi, maka dia akan lebih bersifat terbuka dan mudah menerima pandangan dan nasihat daripada orang lain. Menurut Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (1997) lagi, Teori Hovland berkaitan perubahan sikap seseorang ada menjelaskan mengenai penerimaan seseorang itu terhadap pandangan atau teguran yang cuba disampaikan oleh orang lain. Jika seseorang itu mempunyai estim-diri yang tinggi, maka pemikirannya akan lebih terbuka untuk menerima dan memahami perkara yang cuba disampaikan oleh orang lain dalam memudahkan proses perubahan sikap. Justeru, ego yang rendah dan estim-diri yang tinggi dalam diri seseorang khususnya golongan berstatus tinggi amat penting dalam mencapai keberhasilan proses tazkiyah al-Nafs.

Berikutnya dengan itu, proses penyucian penulis berjalan dengan lancar dan sempurna. Hal ini kerana beliau bukan sahaja mampu menurunkan ego beliau walaupun beliau seorang yang berstatus tinggi, tetapi beliau juga mempunyai estim-diri yang tinggi yang menyebabkan beliau mudah untuk menerima dan memahami pandangan orang lain sepanjang berlakunya proses tazkiyah al-Nafs. Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa situasi dalam petikan karya beliau sendiri. Beliau mampu dan mudah menerima nasihat dan teguran daripada ahli keluarganya dan rakan-rakan sekerjanya di UiTM untuk berubah menjadi seorang yang lebih baik. Selain itu, pengkaji juga berpandangan bahawa barangkali dengan kelebihan intelektual yang dimiliki, beliau mampu berfikiran secara rasional dan matang apabila beliau bertekad

untuk berubah. Justeru, ego yang menguasai dirinya dapat dikawal dengan mudah melalui kelebihan intelektual yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada dirinya.

Natijahnya, pengkaji berpandangan bahawa dalam menjayakan proses tazkiyah al-Nafs bagi golongan yang berstatus tinggi, mereka seharusnya menurunkan ego dan sifat sompong yang wujud dalam diri mereka supaya proses penyucian jiwa berjalan dengan lancar. Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai estim-diri yang tinggi supaya mudah untuk menerima nasihat dan pandangan orang lain sepetimana yang berlaku kepada Muhd Kamil sendiri. Walau setinggi mana status atau darjah yang dipegang dalam kehidupan, tiada sesiapa pun yang mampu menandingi kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Oleh itu, sikap tawadhu^c dan rendah diri perlu disemat dalam diri agar tidak mudah hanyut dengan keseronokan duniaawi.

KESIMPULAN

Natijahnya, tazkiyah al-nafs yang terdapat dalam karya kembara Muhd Kamil Ibrahim ini membuktikan bahawa proses ini turut berlaku kepada golongan berstatus tinggi. Namun, dalam memperoleh keberhasilan proses tazkiyah al-nafs, mereka yang tergolong dalam golongan berstatus tinggi perlu cakna terhadap dua aspek penting iaitu kerendahan ego dan ketinggian estim-diri. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengalaman penulis Travelog Haji: Mengubah Sempadan terutama sekali sewaktu beliau menunaikan ibadat haji. Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada Allah SWT juga sangat diperlukan dengan berdoa memohon agar diberi istiqamah dan keikhlasan dalam setiap perubahan yang dilakukan. Kajian berfokuskan kepada karya kembara di Malaysia masih kurang dan perlu mendapat perhatian kerana pelbagai hasil dapatan yang sangat menarik boleh dicungkil daripada karya kembara. Semoga kajian ini dapat memberi satu perspektif baru mengenai konsep tazkiyah al-nafs dalam bidang kesusteraan khususnya dalam bidang sastera kembara.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan latihan ilmiah di bawah tajuk, ‘Tazkiyah al-Nafs Seorang Pengembara Ahli Akademik dalam Travelog Haji Mengubah Sempadan Iman karya Muhd Kamil Ibrahim’. Terima kasih kepada penyelia saya Dr. Firuz Akhtar Lubis di bawah Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2019-016) kerana banyak membantu dan mendorong saya dalam menjayakan penyelidikan ilmiah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1997. *Daya Pengaruh dan Perubahan Sikap*. Cheras: PTS Consultants Sdn.Bhd.
- Abu Dardaa, Salasiah Hanin Hamjah & Ahmad Irdha Mokhtar. 2017. Konsep Tazkiyat al-Nafs Menurut al-Harith bin ‘As’ad al-Muhasibi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(1): 115-125.
- Abu Dardaa. 2018. Analisis Penerapan Konsep Tazkiyat al-Nafs al-Muhasibi dalam Psikologi dan Kaunseling Islam. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 3(2): 1-13.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 1998. *Ihya’ Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Ma’rifah.
- H.Y. Ahmad Mujahideen, A.G. Hamidi. 2020. Konsep Taubat Menurut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 5(29): 100-108.

- Ibn Manzur, Jamaludin Muhammad bin Mukrim. 2012. *Lisan al-'Arab*. Jilid 7. Bayrut: Dar Sadir.
- Jaffary Awang, Nor Nazimi Mohd Mustaffa & Aminudin Basir@Ahmad. 2017. Teori Maslow dan Kaitannya dengan Kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhari*. 9(2): 275-286.
- al-Mu'az, Nabil Hamid. 1998. *al-Tazkiyah: Daruratuha, Wasa'iluha, Mawani'uha*. Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-'Islamiyyah
- al-Muhasibi, al-Harith. 1984. *Adab al-Nufus*. Tahqiq: 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Muhasibi, al-Harith. 1990. *al-Ri'ayah li Huquq Allah*. Tahqiq: 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Muhasibi, al-Harith. 1999. *Risalat al-Murtashidin*. Tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. Bayrut: Maktab al-Matbu'ah al-'Islamiyyah.
- Muhd Kamil Ibrahim. 2021. Latar Belakang Penulis. Kaedah penulisan emel. Temu bual, 13 April.
- Muhd Kamil Ibrahim. 2020. *Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman*. Edisi Terkini. Batu Caves: PTS Publishing House SDN. BHD.
- Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin. 2010. Menyelesaikan Masalah Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik dalam Amalan Pendidikan. *Journal of Edupress*. 1(2011): 223-229.
- al-Nadawi, Abu al-Hasan. 2000. *Rabbaniyyah La Rabbaniyyah*. Mansurah: Dar al-Kalimah
- Nadzifatuz Zulfa. 2018. "Crying for Healing" Formulation in The Frame of Sufistic Counseling. *Konseling Religi: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*. 9(2): 86-100.
- Norashikin Wahid. 2021. Maklumat Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman dan penulisnya. Kaedah penulisan emel. Temu bual, 3 Mei.
- Picken, Gavin. 2011. *Spiritual Purification in Islam: The Life Works of al-Muhasibi*. London: Routledge.
- Sa'id Hawwa. 1995. *al-Mukhtalis fi Tazkiyat al-Anfus*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Samad. D. 2017. *Konseling Sufistik: Tasawuf Wawasan dan Pendekatan Konseling Islam*. Depok: PT Raja Grafindo Persada.
- Septiawadi. 2013. Tafsir Sufistik Tentang Taubat dalam Al-Quran. *Kalam: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. 7(2): 363-386.
- Suprapto & Susilo Widodo. 2017. *Pengenalan Teknologi Vakum*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar..